

MAHATHIR

DARI MUSA SCULLY

1978

NEW YORK, 5 OKT. (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI BAHAWA SYARIKAT REYNOLDS ALUMINIUM TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MENERUSKAN PROJEK MEMBINA KILANG ALUMINIUM BERHARGA KIRA-KIRA VAS\$1,000 JUTA DI SARAWAK.

BELIAU BERKATA, SELEPAS BERBINCANG DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI SYARIKAT ITU YANG DIKETAUI OLEH PENERUSI BAHAGIAN ANTARA-BANGSANYA, ENCIK LOUIS REYNOLDS, KEDUA-DUA PIHAK AKAN BERUSAHA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA UNTUK MENJADIKAN PERUSAHAAN MENGUNTUNGKAN.

BELIAU MENERANGKAN PERSETUJUAN MENGENAI BERBAGAI PERKARA BERKAITAN DENGAN PROJEK ITU TELAH TERCAINAI, HANYA PERKARA YANG MELIBATKAN SUMBER TENAGA YANG MESTI DISALE AIKAN.

MALAYSIA SEDANG MEMIKIRKANGAS SEBAGAI SUMBER TENAGA SEMENTARA SYARIKAT ITU MEMIKIRKAN TENAGA HAIDRO ELAKTRIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SYARIKAT ITU SEKARANG BERSETUJU DENGAN PANDANGAN MALAYSIA DAN AKAN MENERUSKAN PROJEK ITU WALAUPUN DENGAN MENGGUNAKAN TENAGA GASGM

PENGGUNAAN GAS MUNGKIN MELIBATKAN PERBELANJAAN YANG LEBIH BESAR SEDIKIT, TETAPI IA AKAN MEMBOLEHKAN PAJAK ITU DIJALANKAN LEBIH CEPAT LAGI OLEH KERANA SARAWAK MEMPUNYAI SUMBER GAS YANG BANYAK. —BERSAMBUNG 1232/AH

MAHATHIR 2 NEW YORK

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT ENCIK CYRUS VANCE, BELIAU BERKATA, ENCIK VANCE TELAH MEMEBERIKAN TAKLIMAT KEPADANYA TENTANG PERSETUJUAN DI RUNDINGAN DAMAI CAMP DAVID.

MEREKA JUGA TELAH MEMBINCANGKAN TENTANG MASALAH ORANG PELARIAN DI MALAYSIA DAN HUBUNGAN ANTARA AMERIKA SYARIKAT DENGAN ASEAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, ENCIK VANCE BERJANJI AKAN MEMBINCANGKAN TENTANG MASALAH ORANG PELARIAN ITU DENGAN LAIN-LAIN NEGARA DAN MENGGUNAKAN PENGARUH AMERIKA SYARIKAT SUPAYA NEGARA-NEGARA ITU MENERIMA LEBIH RAMAI ORANG-ORANG PELARIAN ITU.

MENGENAI ASEAN, ENCIK VANCE MENYATAKAN HUBUNGAN ASEAN DENGAN AMERIKA SYARIKAT SEMAKIN RAPAT SETELAH DIADAKAN DIALOG AMERIKA ASEAN DI WASHINGTON BARU-BARU INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ENCIK VANCE JUGA TELAH MEMBINCANGKAN TENTANG LAWATAN-LAWATAN DI MASA DEPAN ROMBONGAN PERBADANAN PELABURAN SWASTA SEBERANGLAUT (OPIC) DAN BANK IMPORT-EKSPORT AMERIKA SYARIKAT KE NEGARA-NEGARA ASEAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YAKIN LAWATAN-LAWATAN ITU AKAN MEMPERBAIKI LAGI HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA AMERIKA DENGAN ASEAN.

BELIAU BERKATA KENADIRAN DI SEMINAR PELABURAN KELMARIN ADALAH DI LUAR DUGAAN. SEBANYAK 250 BUAH SYARIKAT AMERIKA TELAH MENDAFTARKAN NAMA-NAMA EKSEKUTIF KAJAN MEREKA SEBAGAI PESERTA.

—BERSAMBUNG 1118/1B

MAHATHIR 3 NEW YORK

SETENGAH DARIPADA PENGUSUSAH-PENGUSUSAH AMERIKA AKAN MELAWAT MALAYSIA TIDAK LAMA LAGI. BANYAK TEMUTANYA SECARA PERSEORANGAN TELAH DIADAKAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA, KATANYA.

MEREKA TELAH MEMBINCANGKAN TENTANG PELABURAN DI BIDANG PEMBINAAN, PETRO KIMIA, UBAT-UBATAN, KUMAI-KUMAI DAN BARANG-BARANG BERASASKAN GETAH. — BERNAMA 1120/1B